

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian akan menaik taraf dan menambah jaringan internet melalui kabel fiber optik yang ada sekarang ini memandangkan jaringan yang ada sekarang agak lemah serta tidak menyeluruh bagi kegunaan masyarakat serta jabatan-jabatan Kerajaan yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan perkhidmatan jalur lebar boleh dilaksanakan melalui pelbagai teknologi dan tidak terhad kepada rangkaian gentian optik sahaja. Berkaitan dengan perkara ini, pihak Kerajaan telah melancarkan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (“NFCP”)) bagi menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik untuk seluruh negara.

2. Sasaran-sasaran yang telah ditetapkan mengambilkira keperluan untuk meningkatkan kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar. Tumpuan-tumpuan utama NFCP adalah kawasan-kawasan yang kurang liputan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Penyediaan perkhidmatan jalur lebar di bawah NFCP akan dimantapkan lagi dengan pembinaan infrastruktur komunikasi baharu yang lebih menyeluruh di seluruh negara.

3. Di negeri Sarawak, sepanjang 1,237 km *fiber* telah siap beroperasi dan digunakan untuk penyediaan perkhidmatan 4G. Pihak Kerajaan juga melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi dari 3,800 kilometer.